

Di bawah projek Jalur Lebar Luar Bandar (RBB) yang menyediakan infrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan luar bandar, sehingga kini, sebanyak 1,320 sambungan telah tersedia melibatkan satu ibusawat di negeri Sarawak.

Selain itu, pihak Kerajaan melalui MCMC juga turut melaksanakan projek Jalur Lebar Luar Bandar (SUBB) yang menyediakan infrastruktur jalur lebar dengan kelajuan sehingga 20Mbps di kawasan pinggir bandar. Sehingga kini, sebanyak 8,232 sambungan telah tersedia manakala 16,056 sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan melibatkan 52 ibusawat di negeri Sarawak.